

FOCUS DYNAMICS PERKENALKAN CLOUD KITCHEN



Focus Dynamic mengambil inisiatif berkenaan sejajar dengan peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan penghantaran secara dalam talian.

👁 37 VIEWS · 🗓 NORSHAHZURA MAT ZUKI · ⏰ 3 JUNE 2020 · BERITA, LOKAL



Focus Dynamics Group Berhad (Focus Dynamic) akan melancarkan platform yang merevolusikan landskap servis penghantaran makanan melalui kemudahan cloud kitchen bagi membantu pengusaha atau pemilik restoran dalam talian.

Pengarah Eksekutifnya, Tay Ben Seng berkata, inisiatif berkenaan diambil sejajar dengan perkhidmatan penghantaran makanan dan minuman yang semakin meningkat berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

“Krisis wabak koronavirus (Covid-19) dan pelaksanaan PKP menyaksikan industri makanan dan minuman mengalami kerugian teruk kerana bilangan pelanggan di kedai berkurang dan pelanggan juga tidak mempunyai pilihan lain sama ada untuk memasak sendiri di rumah atau membeli makanan secara bungkus.

“Bagi restoran pula, situasi terkini memaksa mereka untuk menerima keperluan penyediaan servis penghantaran makanan untuk terus bertahan,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, keadaan ekonomi semasa yang menyebabkan ramai kehilangan pekerjaan juga dilihat melahirkan ramai peniaga kecil yang mula memasarkan produk makanan dan minuman mereka secara dalam talian.

Sehubungan itu, katanya, Focus Dynamics komited memanfaatkan industri cloud kitchen dengan menyediakan sebuah platform yang menyediakan perkhidmatan penyediaan makanan, pembungkusan, penghantaran dan memasarkan produk pelanggan secara digital dan automatik.